



KENYATAAN MEDIA

PERKESO PROSES TUNTUTAN COVID-19 BERDASARKAN AKTA DAN FASA PANDEMIK

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merujuk kepada Kenyataan Media yang dikeluarkan hari ini oleh **Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)** menerusi **Setiausaha Agungnya, Kamarul Baharin Mansor**, yang menyatakan bahawa ‘**Tindakan PERKESO menukar tuntutan pekerja Orang Berinsurans (OB) bagi kes COVID-19 daripada Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS) kepada Penyakit Khidmat sebagai langkah ke belakang**’.

PERKESO ingin menegaskan bahawa tindakan memproses tuntutan faedah berkaitan kes COVID-19 sebagai Penyakit Khidmat adalah mengikut **Prosedur Operasi Standard (SOP)** yang sepatutnya dan tertakluk sepenuhnya di bawah **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)**.

Sebagaimana Kenyataan Media yang dikeluarkan PERKESO sebelum ini bertarikh **1 April 2022**, virus COVID-19 merupakan antara penyakit yang tersenarai dalam **Jadual Kelima, Akta 4** dan boleh dipertimbangkan sebagai **Penyakit Khidmat** oleh **Jemaah Doktor PERKESO**.

Walau bagaimanapun, atas dasar keprihatinan untuk membantu rakyat Malaysia khususnya golongan pekerja dalam mendepani impak mencabar sewaktu pandemik COVID-19, PERKESO telah mengambil tindakan proaktif dengan memproses kes tuntutan melibatkan COVID-19 sebagai ‘**Bencana Kerja**’.

Semasa fasa pandemik, langkah-langkah pengesanan kes telah dijalankan secara aktif bagi mengenal pasti punca jangkitan termasuklah jangkitan yang berlaku disebabkan oleh pekerjaan yang dilaksanakan. Ini dapat dilihat menerusi laporan-laporan berkenaan kluster tempat kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.

Sehubungan itu, PERKESO mempertimbangkan jangkitan yang dikenal pasti berlaku di tempat kerja dan bukan di tempat-tempat lain, sebagai bencana kerja – dan ini merupakan satu respons keselamatan sosial kepada pandemik yang pertama kali berlaku dalam tempoh satu abad.

Walau bagaimanapun, negara kini telah memasuki **Fasa Peralihan Ke Endemik** sejak **1 April 2022** yang mana menurut KKM, merupakan keadaan di mana sesuatu penyakit sentiasa wujud dalam masyarakat atau sesuatu tempat. Dalam fasa ini juga, jangkitan COVID-19 boleh berlaku di mana-mana sahaja seperti melalui pelbagai kegiatan dan penganjuran majlis sosial termasuklah aktiviti riadah dan sukan, membeli belah, kenduri, majlis perkahwinan dan sebagainya.

Seperti mana penyakit-penyakit berjangkit lain yang diletakkan di bawah kategori Penyakit Khidmat seperti jangkitan virus Nipah, *Tuberculosis* (batuk kering) dan *Leptospirosis* (penyakit kencing tikus), jangkitan COVID-19 yang disebabkan oleh pekerjaan juga turut diklasifikasikan sebagai Penyakit Khidmat berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Pendekatan mengklasifikasikan COVID-19 sebagai Penyakit Khidmat bukan sahaja dilaksanakan di Malaysia, malah turut diamalkan oleh negara-negara lain. Sehubungan itu, PERKESO menggesa pihak MTUC agar merujuk kepada laporan yang telah dikeluarkan oleh **Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)** berhubung pengklasifikasian COVID-19 sebagai Penyakit Khidmat oleh negara-negara anggota ILO di seluruh dunia, di mana ia adalah selaras dengan langkah yang diambil oleh PERKESO.

Sehingga **14 Mei 2022**, PERKESO telah menerima sebanyak **181,184** tuntutan faedah bagi kes COVID-19. Daripada jumlah tersebut, PERKESO telah membayar lebih **RM161 juta** kepada OB sejak pemberian faedah ini mula dilaksanakan pada **24 Februari 2021**.

Ini merupakan manifestasi keprihatinan dan komitmen Kerajaan melalui PERKESO dalam menambah baik jaringan perlindungan sosialnya bagi memelihara dan menjamin kesejahteraan Keluarga Malaysia, khususnya buat lebih **9 juta** pencarumnya di seluruh negara, termasuklah dalam menempuh tempoh mencabar pandemik COVID-19.

IZAD HJ RAYA

KETUA PEGAWAI KOMUNIKASI DAN HAL EHWAL KORPORAT

20 MEI 2022